

## Soal hapuskan sistem kuota tak timbul – PM

2

UM 10 JUN 1990

KUALA LUMPUR 9 Jun — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, soal untuk menghapuskan sistem kuota dalam dasar ekonomi negara tidak timbul selagi matlamat untuk meningkatkan taraf ekonomi bumiputera belum dicapai sepenuhnya.

Katanya, sistem itu akan dihapuskan pada masa yang sesuai dan rakyat perlu bersikap positif bagi menjayakan matlamat tersebut terlebih dahulu.

Menurutnya, soal bila sistem itu akan dihapuskan sebenarnya bergantung kepada kerjasama dan peranan aktif semua pihak di negara ini.

"Terpulang kepada kita, kalau kita betul-betul berjaya menolong, tiada diskriminasi dalam pemilihan pekerja dan rakan kongsi di sektor swasta dan semua orang diberi peluang yang sama, sudah tentu sistem itu diluputkan lebih cepat," katanya semasa ditemui oleh para pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Ke-19 Parti Gerakan di sini pagi ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir menatakan demikian keti-

ka diminta mengulas ucapan Presiden Gerakan, Dato' Sri Lim Keng Yaik yang mengesyorkan supaya kerajaan menghapuskan sistem kuota yang berasaskan kaum secara beransur-ansur, sebaliknya digantikan dengan sistem yang berasaskan keadilan dan kesaksamaan.

• Beliau berkata, sememangnya menjadi matlamat kerajaan untuk menghapuskan sistem itu tetapi sebelum ia dilakukan kaum-kaum yang ketinggalan perlu dibawa ke tahap yang sama dengan kaum-kaum lain.

"Macam nak suruh Razif Sidek lawan badminton dengan saya, kenalah bagi handicap kepada saya," katanya secara bergurau.

Perdana Menteri menambah, sistem kuota mengikut kaum tidak akan diamalkan sampai bila-bila.

Katanya, apa yang penting ialah rakyat perlu memainkan peranan dalam hal itu dengan tidak menitikberatkan faktor kaum dalam menjalankan urusan harian mereka.